




# **ADVANCE INTEGRATED NILAM SYSTEM**

## **MANUAL PENGGUNAAN DASHBOARD GURU**

## 1. Pengesahan



Gambar 1: Paparan Log Masuk Dashboard AINS

### 1.1 Log Masuk


Sila ke pautan *dashboard* ‘Advance Integrated NILAM System’ (AINS):-

<https://ains-dashboard.moe.gov.my>

**Skrin Log Masuk** adalah pintu masuk ke dashboard AINS. Selepas berjaya log masuk, pengguna akan diarahkan secara automatik ke Dashboard Utama. Sebarang permintaan yang mengembalikan Error 401 selepas pengguna log masuk akan secara automatik log keluar pengguna dan diarahkan semula ke Skrin Log Masuk.

Sila dapatkan ID & Kata Laluan GPM dari Pihak SSTP-JPN.

# 1. Pengesahan



Gambar 2: Langkah Log Keluar Dashboard AINS

## 1.2 Log Keluar

**Log Keluar** adalah dengan Klik Log Keluar dari Bar Sisi. Apabila pengguna klik Ya untuk Log Keluar, pengguna akan diarahkan semula ke Skrin Log Masuk.


## **2. Tahap Akses**

Terdapat beberapa perbezaan dalam data yang boleh diakses oleh pengguna dan tindakan yang dibenarkan kepada pengguna. Capaian data mengikut pengguna adalah seperti di Jadual 1:-

<b>Tahap</b>	<b>Capaian Data</b>
<b>Guru (GPM)</b>	Hanya boleh akses data dan profil murid di sekolah yang sama
<b>Pegawai PPD</b>	Hanya boleh akses data dan profil murid di semua sekolah di daerah yang sama
<b>Pegawai JPN</b>	Hanya boleh akses data dan profil murid di semua sekolah di negeri yang sama
<b>Pegawai KPM</b>	Akses penuh terhadap semua data dan profil murid di seluruh negara

Jadual 1: Capaian Data berdasarkan Tahap Pengguna

### 3. Susun Atur (*Layout*)



Gambar 3: Susun Atur Dashboard AINS di Dekstop



Gambar 4: Susun Atur Dashboard AINS di Tablet/Telefon

**Susun Atur (*Layout*)** adalah susun atur yang digunakan untuk halaman dalam Dashboard AINS kecuali halaman Log Masuk (Gambar 3 & 4).


**Bar Sisi (*Sidebar*)** adalah untuk pengguna menavigasi ke bahagian fungsi yang lain. Apabila di Desktop, ia akan diletakkan secara kekal di sebelah kiri laman web untuk kemudahan akses.

Apabila di Tablet/Telefon, ia akan bersembunyi secara automatik dan hanya akan muncul lagi jika butang pada bar sisi diklik.

Dua butang dalam kumpulan di sebelah kanan atas yang dilabelkan EN dan MY ialah **Penukar Bahasa** untuk menukar bahasa di dalam Dashboard AINS.

Komponen yang terletak di sebelah kanan atas dengan gambar profil pengguna dan nama pengguna ialah **Butang Profil**. Klik profil pengguna akan membawa pengguna ke bahagian **Profil**.

#### 4. Dashboard Utama



Gambar 5: Dashboard Utama AINS

## 4. Dashboard Utama

Dashboard Utama terdiri daripada empat bahagian: **Maklumat Keseluruhan**, **Status Pembacaan Murid**, **Carta Pendahulu Murid** dan **Statistik Murid** (Gambar 5).

**Maklumat Keseluruhan** ialah bahagian yang memaparkan jumlah bilangan murid, jumlah rekod bacaan yang diluluskan dan jumlah rekod bacaan yang ditolak. Setiap item paparan tersebut boleh diklik. Guru boleh melihat maklumat lanjut dengan mengklik icon dan paparan maklumat terperinci akan dipaparkan.

- **Rekod Bacaan Diluluskan:** Klik pada nombor itu akan membawa pengguna ke Senarai Keseluruhan Rekod Bacaan Murid yang Diluluskan.
- **Rekod Bacaan Ditolak:** Klik pada nombor itu akan membawa pengguna ke Senarai Keseluruhan Rekod Bacaan Murid yang Ditolak.


Jumlah rekod bacaan & bilangan murid akan berbeza berdasarkan Tahap Akaun Pengguna. Rujuk Jadual 1 untuk penjelasan.

**Status Pembacaan** ialah bahagian yang memaparkan peratusan murid (yang boleh diakses oleh pengguna) dalam sistem yang sekurang-kurangnya memasukkan 1 Rekod Bacaan, yang dikira sebagai murid aktif.

**Carta Pendahulu** adalah bahagian yang menyenaraikan murid berdasarkan mata terkumpul mereka. Ia juga mempunyai butang untuk menavigasi ke halaman **Carta Pendahulu** dengan cepat (*shortcut*).

**Statistik** ialah bahagian yang memaparkan Graf Rekod Bacaan murid yang dikemaskini pada setiap bulan mengikut tahun semasa.

## 5. Senarai Murid



Nama	Rekod
NURUL DINA AIN BINTI NOORSYAM	14
NUR JANNAH BINTI SHAHERY	12
NURUL NUHA BINTI KAMAL	11
NUR ALYA MAISARAH BINTI NOORHATHA	10
ADAM SYAHMI BIN SHAIFUL ANUAR	10
MUHAMMAD WAIFI	10
HAIRUL HAQIMIE BIN HAIRUL NIZAM	10
SYASYA HUMAIRA BINTI NOOR MUSTAFA SHAH	10
PUTRI MIA ZAHRAA BINTI MOHD RIZAL	10
MUHAMMAD DANIEL ANIQ BIN SULAIMAN ALI	8
UMMU UMAIRAH BINTI ABDUL JALAL	8
AMI RAJHANA BINTI SAIFUL BAHARI	7
MAYA MELISSA BINTI MOHAMED MUHIZAM	6
NURIN NABILA BINTI MOHD ZAMREE	5

Gambar 6: Halaman Senarai Murid di Dashboard AINS

**Senarai Murid** adalah senarai semua murid yang telah log masuk AINS di Sekolah pengguna. Sila pastikan semua murid telah log masuk ke Aplikasi AINS. Anda boleh menukar pilihan rekod bacaan dari paling tinggi ke paling rendah dengan klik pada Rekod.

Anda boleh klik pada nama murid dalam senarai tersebut dan ia akan membawa anda ke halaman **Profil Murid** yang dipilih.

Untuk Akaun PPD akan ada komponen penapisan (*filter*) mengikut Sekolah.

Untuk Akaun JPN akan ada komponen penapisan (*filter*) mengikut Daerah & Sekolah.

## 6. Profil Murid

The screenshot displays the 'Senarai Murid' (Student List) section of the AINS dashboard. At the top, there's a header with the school logo (AINS), language selection (EN/MY), and user information (GPM SMT CHERAS). On the left sidebar, there are navigation links: Papan Pemuka, Senarai Murid, Carta Pendahulu, Maklum Balas, and Log Keluar.

The main content area shows a student profile for HAIRUL HAQIMIE BIN HAIRUL NIZAM. It includes a silhouette icon, the student's name, a rating of 0 stars, and two counters: 10 Rekod and 53 Mata.

Below the profile, there's a 'Senarai Rekod' (Record List) table with columns for Title (Tajuk) and Date (Tarikh). The records listed are:

Tajuk	Tarikh
1 Perong Salib Pertama : Jothurnya Bahruulquddis	06/04/2024
2 Hudhud Rogut Lima Nyawa	06/04/2024
3 No Longer At Ease	06/04/2024
4 Oars Panduan Asas Pelabel Makanan	06/04/2024
5 Panduan Pencegahan Jenayah	06/04/2024
6 Jimat Air Jongan Membaiki	06/04/2024
7 The Pearl	06/04/2024
8 The Boy Who Was Afraid	06/04/2024
9 Ucapan Alu-Aluan Pengaruh Teknik	06/04/2024
10 Panduan Makan Secara Sihat	06/04/2024

Two summary sections follow: 'Bacaan Keseluruhan Terkumpul' and 'Bacaan Keseluruhan 2024', each showing counts for 'Diluluskan' (10) and 'Ditolak' (0).

A bar chart titled 'Statistik Bacaan 2024' shows reading activity across the months. The chart indicates a significant peak in April, reaching a value of 10.

Gambar 7: Halaman Profil Murid di *Dashboard AINS*

**Profil Murid** terdiri daripada 5 bahagian: **Maklumat Murid**, **Senarai Rekod**, **Bacaan Keseluruhan Terkumpul**, **Bacaan Keseluruhan Tahun Semasa**, dan **Statistik Bacaan Tahun Semasa**.

**Maklumat Murid** memaparkan butiran murid seperti Nama Penuh, Pengiktirafan, Bilangan Rekod Bacaan & Jumlah Mata. Pengiktirafan adalah berdasarkan Jadual 1 & Jadual 2 di bawah:-

## 6. Profil Murid

Pengiktirafan	Bilangan Bahan
1 Bintang	144 - 287
2 Bintang	288 - 431
3 Bintang	432 - 575
4 Bintang	576 - 719
5 Bintang	720 dan ke atas

Jadual 1: Pengiktirafan bagi Murid Sekolah Rendah

Pengiktirafan	Bilangan Bahan
1 Bintang	120 - 239
2 Bintang	240 - 359
3 Bintang	360 - 479
4 Bintang	480 - 599
5 Bintang	600 dan ke atas

Jadual 2: Pengiktirafan bagi Murid Sekolah Menengah

**Senarai Rekod** memaparkan senarai Rekod Bacaan yang direkodkan oleh murid tersebut. Klik salah satu rekod bacaan akan membawa pengguna untuk ke halaman **Butiran Rekod**. Guru (GPM) boleh Tolak rekod bacaan jika maklumat yang dimasukkan adalah tidak sah atau berulang.

**Statistik Bacaan** memaparkan graf bilangan rekod bacaan yang dimasukkan murid mengikut bulan pada tahun semasa.

## 7. Senarai Rekod

The screenshot shows the 'Senarai Rekod' (Record List) page for a student named HAIRUL HAQIMIE BIN HAIRUL NIZAM. The student has 10 records and 53 marks. The list is filtered to show 'Diluluskan' (Completed) items. The table below shows the details of the completed books:

Tajuk	Tarikh
1 Perang Salib Pertama : Jatuhnya Baitulmulqaddis	06/04/2024
2 Hudhud Ragut Lima Nyawa	06/04/2024
3 No Longer At Ease	06/04/2024
4 Goris Panduan Asas Pelabel Makalan	06/04/2024
5 Panduan Pencegahan Jenayah	06/04/2024
6 Jimat Air Jangan Membaizir	06/04/2024
7 The Pearl	06/04/2024
8 The Boy Who Was Afraid	06/04/2024
9 Ucapan Alu-Aluan Pengaruh Teknik	06/04/2024
10 Panduan Makan Secara Sihat	06/04/2024

Summary statistics for 'Bacaan Keseluruhan Terkumpul' (Total Readings Collected) and 'Bacaan Keseluruhan 2024' (Total Readings in 2024) are shown, both with 10 completed and 0 rejected. A bar chart titled 'Statistik Bacaan 2024' (Reading Statistics 2024) shows a single bar reaching a value of 10 for April.

Gambar 8: Senarai Rekod Bacaan Murid

**Senarai Rekod** adalah Semua Bahan Bacaan oleh murid tersebut. Ada pilihan Diluluskan & Ditolak untuk pengguna melihat senarai bacaan yang Diluluskan atau Ditolak.

Guru (GPM) boleh mengaudit / mengesahkan bahan bacaan murid adalah mengikut garis panduan NILAM, dengan Menolak bahan bacaan murid jika dilihat tidak sesuai sama ada tidak sah atau berulang.

# Butiran Rekod

AINS

EN MY Teacher Demo

Dashboard Students Leaderboard Feedback Logout

## Record Detail

Back



Name: Lukisan Hati  
Author: Nazry Salam  
Publisher: PTS  
Status: Approved  
Year Published: 2016  
Language: Bahasa Malaysia  
Type: Book

Synopsis:  
Zack, Ali, Nafis berusaha membantu Zahra mengatasi hutang Rumah Asuh yang dihuni oleh Zahra dan beberapa orang yatim terancam kerana hutang yang belum longsor.

Review:  
Saya belajar untuk mengatasi kebencian untuk menolong orang yang penting untuk diri sendiri.

Reject

Gambar 9: Butiran Rekod Bacaan Murid


## Butiran Rekod

**Butiran Rekod** memaparkan butiran rekod seperti tajuk buku, nama penulis, penerbit, status, tahun terbitan, sinopsis, dan penggayaan. Terdapat juga Butang Kembali yang akan mengubah halaman pengguna kembali ke halaman sebelumnya.

**Semua Rekod Bacaan Murid akan DILULUSKAN** secara konsep *pre-approved* dalam sistem AINS. Guru berhak MENOLAK Bacaan Murid jika ianya Rekod Bacaan tersebut tidak sesuai, bahan yang tidak betul/salah maklumat dan berulang (*repeat*).

Rekod Bacaan & Jumlah Mata juga akan ditolak, jika guru menolak entri murid.

Hanya guru (GPM) sahaja yang boleh Meluluskan atau Menolak Rekod Bacaan murid. Aras Capaian Pengguna Lain hanya boleh melihat rekod seperti di Gambar 10.




Gambar 10: Halaman Butiran Rekod dicapai oleh Aras Akses Pengguna Iain

## Butiran Rekod

Langkah **PENOLAKAN** Rekod Bacaan Murid (**hanya GPM sahaja yang mempunyai fungsi ini**) :-

1. Klik 'Tolak' di bahagian bawah Butiran Rekod.
2. Pilih sebab untuk menolak rekod bacaan. Anda mempunyai dua pilihan. 'Tidak Sah' atau 'Pendua'. Tidak sah apabila rekod mempunyai beberapa format atau butiran hilang yang direkodkan atau hilang kelayakan berdasarkan garis panduan sekolah. Pendua apabila rekod murid sudah mempunyai rekod yang sama (*repeat*).
3. Anda boleh menambah mesej jika terdapat sebarang penjelasan yang ingin disampaikan.
4. Klik 'Hantar'.
5. Klik 'Serah' sekali lagi untuk mengesahkan.
6. Pemberitahuan Berjaya akan muncul jika anda berjaya dan status dikemas kini. Mesej akan ditambahkan pada butiran jika anda menyerahkannya sebelum ini.

## Butiran Rekod



Gambar 11: Sebab & Mesej untuk Penolakan Rekod Bacaan Murid

Jika anda hendak meluluskan kembali rekod yang ditolak, anda hanya perlu klik 'Luluskan'.

Pemberitahuan kejayaan akan muncul jika anda berjaya dan status Rekod Bacaan & Jumlah Mata akan dikemas kini.

## 8. Carta Pendahulu

Pengguna boleh memilih cara melihat carta pendahulu dengan 2 cara iaitu Pandangan Senarai atau Pandangan Kedudukan.

### 8.1 Senarai Carta Pendahulu

The screenshot shows the AINS (Akademik dan Inovasi Sekolah) dashboard interface. On the left sidebar, there are several icons: AINS logo, Papan Permuca, Senarai Murid, Carta Pendahulu (highlighted in blue), Maklum Balas, and Log Keluar. The main content area has a purple header with the title 'Carta Pendahulu'. Below the header is a table with columns: Nama, Kelas, Rekod, and Mata. There are tabs at the top right of the table: Keseluruhan, Kelas, and Tahun. The table lists 15 student records:

Nama	Kelas	Rekod	Mata
Student Demo Account	3 Merah	27	73
Siti Aminah Binti Ibrahim	2 Merah	6	12
Ahmad Azam Bin Ahmad Ayub	1 Biru	4	8
Nurul Fatin Bin Shah Harun	3 Biru	2	4
Nurul Azam Binti Awang Buahari	2 Biru	1	2
Siti Azahira Binti Mahmood	1 Hijau	1	2
Syed Danish Bin Syed Daim	3 Hijau	1	2
Muhammad Hanif Bin Ahmad Daim	1 Hijau	0	0
Muhammad Zulfikri Bin Abdul Musa	2 Merah	0	0
Muhammad Zahar Bin Daud	1 Merah	0	0
Nik Sulaiman Bin Nik Abdul Halim	1 Biru	0	0
Muhammad Harun Bin Adam Aqil	3 Hijau	0	0
Wan Hanafi Bin Wan Muhammed Noor	2 Hijau	0	0
Hamzah Bin Rusli	1 Merah	0	0

Gambar 12: Gambar Senarai Carta Terdahulu di *Dashboard AINS*

## **8.1 Senarai Carta Pendahulu**

Senarai Carta Pendahulu memaparkan senarai murid mengikut:-

<b>Item</b>	<b>Senarai</b>
<b>Keseluruhan</b>	Ranking Murid Dalam Sekolah
<b>Daerah</b>	Senarai Dalam Daerah
<b>Negeri</b>	Senarai Dalam Negeri
<b>Negara</b>	Senarai Dalam Negara

Jadual 3: Senarai Jenis Carta Pendahulu

Senarai ini akan disusun berdasarkan jumlah mata, dengan mata tertinggi berada di atas. Jumlah mata adalah berdasarkan jumlah buku yang dibaca.

## 8.2 Kedudukan Carta Pendahulu



Gambar 13: Kedudukan Carta Pendahulu di *Dashboard AINS*

Pada asasnya, sama seperti Senarai Carta Pendahulu, satu-satunya perbezaan ialah senarai dipaparkan sebagai Kedudukan dengan hanya **3 Murid dengan mata tertinggi sahaja (Top 3)**. Ini akan memudahkan guru untuk memberi penghargaan kepada 3 Murid teratas mengikut Kelas, Tahun dan Sekolah.

## 9. Pengiraan Mata

### 9.1 Sumber Bacaan & Pemberat

Kategori	Mata	Pemberat
<b>Buku/e-Buku</b>		
Fiksyen	1	Bilangan Muka Surat
Bukan Fiksyen	2	Bilangan Muka Surat
<b>Sumber Digital</b>		
Blog	1	-
e-Pembelajaran	1	-
e-Majalah	1	Bilangan Muka Surat
e-Berita	1	Bilangan Muka Surat
Laman Sesawang	1	-
Lain-lain	1	-

## 9. Pengiraan Mata

Kategori	Mata	Pemberat
<b>Artikel/Jurnal/Lain-lain</b>		
Artikel	1	Bilangan Muka Surat
Buletin	1	Bilangan Muka Surat
Carta	1	Bilangan Muka Surat
Cerpen	1	Bilangan Muka Surat
Jurnal	1	Bilangan Muka Surat
Laporan	2	Bilangan Muka Surat
Majalah	1	Bilangan Muka Surat
Laman Sesawang	1	Bilangan Muka Surat
Manual Pengguna	1	Bilangan Muka Surat

## **9. Pengiraan Mata**

<b>Kategori</b>	<b>Mata</b>	<b>Pemberat</b>
Peta	1	Bilangan Muka Surat
Poster	1	Bilangan Muka Surat
Rencana	1	Bilangan Muka Surat
Risalah/Brosur	1	Bilangan Muka Surat
Surat Khabar	2	Bilangan Muka Surat

Jadual 3: Mata Sumber Bacaan

## **9. Pengiraan Mata**

<b>Halaman Minima</b>	<b>Halaman Maksima</b>	<b>Mata</b>
0	10	1
11	25	3
26	50	5
51	100	7
101	-	10

Jadual 4: Mata Pemberat

## 9. Pengiraan Mata

### Bagaimana Mata Dikira?

Jumlah mata untuk setiap bacaan adalah dikira dengan menggunakan formula:

$$\text{Jumlah mata} = (\text{Mata Sumber Bacaan}) \times (\text{Mata Pemberat})$$

### 9.2 Contoh Pengiraan Mata

#### Contoh 1:

- Anda membaca buku bukan fiksyen yang mempunyai 60 muka surat.
- Mata untuk kategori bukan fiksyen adalah 2.
- Mata pemberat untuk 60 muka surat adalah 7

Menggunakan formula:

$$\text{Jumlah mata} = (\text{Mata Sumber Bacaan}) \times (\text{Mata Pemberat})$$

$$\text{Jumlah mata} = 2 \times 7 = 14$$

Oleh itu, anda mendapat **14** mata bagi bacaan buku tersebut.

## 9. Pengiraan Mata

Contoh 2:

- Anda membaca buku fiksyen yang mempunyai 60 muka surat.
- Mata untuk kategori buku fiksyen adalah 1.
- Mata pemberat untuk 60 muka surat adalah 7.

Menggunakan formula:

$$\text{Jumlah mata} = (\text{Mata Sumber Bacaan}) \times (\text{Mata Pemberat})$$

$$\text{Jumlah mata} = 1 \times 7 = 7$$

Oleh itu, anda mendapat **7** mata bagi bacaan buku tersebut.

## 10. Maklum Balas

Klik Maklum Balas di *sidebar* jika ada sebarang masalah berkaitan TEKNIKAL dengan mengisi maklumat anda & masalah yang dihadapi. Pihak teknikal akan menghubungi anda dalam masa 48 jam.

Atau Imbas QR Code di bawah untuk terus ke borang maklum balas AINS.

Maklum Balas AINS / Feedback AINS

hello@jazro.com.my Switch account 

Not shared

\* Indicates required question

Nama Penuh / Full Name \*

Your answer

Nombor Telefon / Handphone Number \*

Your answer

Emel / Email \*

Your answer

Maklum Balas / Feedback \*

Your answer

